


Bil. 14

Selasa  
23 Oktober 2018



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan  
Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia:-

- i. Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia,  
Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam  
Tholasy

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 23 OKTOBER 2018**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]  
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA****Jabatan Audit Negara**

YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]  
Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]  
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]  
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman (Kewangan)]  
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]  
Puan Norakma binti Sabran [Ketua Seksyen Audit (Prestasi)]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]  
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)**

YBhg. Dato' Junipah binti Wandi [Pengarah (Pengurusan Integriti Agensi)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Puan Noraini binti Ahmad [Timbalan Pengarah I (Akaun Negara dan Model Ekonomi) (Seksyen Ekonomi Makro)]

**SAKSI****Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

YBhg. Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah]  
YBhg. Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah]  
Encik Rasha Afzal bin Shafii [Pegawai Khas Kepada Ketua Pengarah]  
Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun)]  
Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Pengarah Kanan Kastam I]

*samb/-*

**SAKSI** (*samb/-*)

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Encik Mohd Zulkifli bin Zahar [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]

Encik Hasnizam bin Hassan [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]

Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Pulangbalik dan Semakan Semula)]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 23 Oktober 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang.

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Saya melihat kuorum cukup untuk mesyuarat prosiding ini diteruskan. Selamat datang Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Setiausaha Dewan Rakyat *on the way*, ahli-ahli *ex officio* PAC. Petang ini PAC akan mendengar keterangan sekali lagi daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy iaitu Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia yang membabitkan isu tuntutan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion. Untuk rekod, Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy hadir kali pertama di jawatankuasa ini pada 12 September yang lalu. Saya bagi pihak jawatankuasa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri kerana sentiasa memberi kerjasama penuh dan komitmen kepada PAC Parlimen. Tanpa membuang masa, saya mulakan mesyuarat prosiding kita pada hari ini. Saya persilakan mana-mana Ahli PAC yang mempunyai soalan lanjutan kepada Dato' Sri Subromaniam, sila.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, terima kasih atas kehadiran Dato' Sri Subromaniam. Dato' Sri, berkenaan dengan pada 12 September, Dato' Sri telah datang untuk memberikan testimoni berkenaan dengan isu yang kita bangkitkan iaitu isu RM19.4 bilion. Saya tidak akan ulang apa yang telah pun dinyatakan sebelum ini, tetapi mungkin mendapat sedikit *confirmation* ataupun penjelasan daripada Dato' Sri.

Pertama, dalam siaran media, Dato' Sri ada menyatakan bahawa jumlah keperluan pulangan bayaran balik adalah RM82.9 bilion dan jumlah yang dibayar melalui Tabung Amanah adalah RM63.5 bilion. Dengan itu, terdapat satu perbezaan iaitu RM19.4 bilion seperti dalam persoalan kita. So, *confirmation* yang saya hendak dapatkan daripada Dato' Sri—soalan ini telah pun dibangkitkan sebelum ini, tetapi saya tidak nampak satu jawapan yang amat jelas iaitu sama ada dari 1 April 2015 sampai 31 Mei 2018, sama ada pihak kastam ada memohon secara formal dalam Jawatankuasa Tabung Pembayaran Balik GST ataupun jawatankuasa *cashflow*

berkenaan dengan jumlah RM19.4 bilion ini. Ini kerana dalam prosiding yang lepas, wakil dari MOF kata jumlah ini tidak dituntut ataupun diminta oleh pihak kastam. So, ini soalan pertama.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang ada keluarkan kenyataan siaran media. Dari segi proses kerja, saya telah merujuk kepada Pengarah Bahagian GST yang bertanggungjawab ke atas bayaran balik (*refund*) ini. Dari segi tuntutan, kita berdasarkan kepada apa yang dipersetujui...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dato' Sri, sebelum itu saya hendak...

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita perkataan 'hutang' ataupun 'tuntutan'?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Tuntutan, tuntutan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuntutan. Bukan hutang ya?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Bukan, bukan, bukan. *Did I say* hutang? *[Disampuk]* No. Tuntutan. Tuntutan pulang balik ini. Kita ada persetujuan dalam Surat Iktan Amanah. Mungkin saya boleh paparkan ya. Boleh tidak pegawai kita tadi— yang Surat Iktan Amanah itu. Ini yang dipersetujui dalam mesyuarat tabung yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan juga ahli-ahli mesyuarat. Okey. Jadi... *[Slaid dibentangkan]* It is a minit mesyuarat. Eh, hilang terus? Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan ya?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Jadi berdasarkan kepada keputusan mesyuarat, Pengarah Bahagian GST bertanggungjawab mengemukakan tuntutan itu kepada Ketua Akauntan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang menjaga duit. Ini sebab dari segi SOP, kastam tidak boleh pegang duit. Jadi, saya juga telah berbincang dengan ketiga-tiga pengarah yang pernah menjadi Pengarah Bahagian GST dan *detail*-nya saya akan kemukakan nanti.

Jadi, mengikut para 5.2.2, Jawatankuasa Kumpulan Wang meluluskan permohonan untuk mendebitkan sebanyak 35 peratus dari terimaan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke dalam Kumpulan Wang bagi setiap bulan bagi tujuan membuat bayaran balik. Para 5.2.3 juga mengatakan jawatankuasa meluluskan permohonan tambahan berdasarkan keperluan semasa bagi menampung keperluan perbelanjaan sekiranya amaun debit sebanyak 35 peratus tidak mencukupi. Jadi, saya hendak tunjukkan satu surat permohonan daripada Pengarah Bahagian GST kepada Ketua Akauntan. Ada tidak contoh? Tunjukkan.

#### ■1440

Dalam dokumen yang akan saya kemukakan nanti akan adalah *detail*-nya. Dalam slaid tidak ada. So, dalam— mengikut permohonan-permohonan ini, *this is the* contoh— *hardcopy*



boleh serahlah. Tolong berikan *hardcopy*. Ia begini ya, bentuknya. [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] *This is* proses dalaman di mana Pengarah Kastam Bahagian GST akan mengemukakan permohonan pindahan hasil. *This* adalah bukti kita kepada Ketua Akauntan untuk memindahkan suatu amaun ke dalam Kumpulan Wang. Jadi berdasarkan angka-angka inilah saya dapat berapa jumlah tadi, RM82.9 bilion. Biasanya kita akan buat catatan berapakah amaun yang diluluskan dekat bawah itulah. Kadang-kadang kita minta *RM1.5 billion* tetapi yang dapat *RM1 billion*. Kadang-kadang kita minta *RM1 billion*, dapat *RM1 billion*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Catatan itu siapa yang tandatangan?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Akauntan. Puan Hatimah kah?

**Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** Ya.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Jawab.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Yang Berhormat, untuk makluman tadi seperti yang Dato' Sri *highlight*, ini adalah proses dalamanlah. So, proses dalaman permulaannya adalah daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang GST dan juga Mesyuarat Pengurusan Aliran Tunai. Daripada kawalan dalam mesyuarat itu, proses itu akan dilaksanakan di peringkat JKDM. Sumber kuasa utama adalah daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang dan juga Pengurusan Aliran Tunai. Bila kita untuk proses sebab perakaunan kita akan menggunakan dokumen.

Dokumen pindahan adalah melalui baucar jurnal. So, daripada baucar jurnal, Cawangan Akaun, sayalah bahagian saya akan buat pindahan itu kepada hasil kepada Kumpulan Wang. Ini adalah proses perakaunan melibatkan dokumen baucar jurnal. Akan tetapi amaun yang kita pindahkan adalah berdasarkan mandat dan daripada mesyuarat tadilah, Mesyuarat Kumpulan Wang dan juga Pengurusan Aliran Tunai.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato' Sri, izinkan saya untuk merujuk kepada contoh memo inilah bertarikh 28 November 2017.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Di memo ini apa yang saya boleh nampak adalah di muka surat kedua, "*Selaras dengan perenggan dua di atas Cawangan Akaun diminta untuk memindah terimaan GST daripada GST tempatan sebanyak RM1 bilion sahaja ke dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah*".

Okey, so maksudnya melalui memo ini jumlah wang yang dipohon adalah RM1 bilion tetapi sekiranya kita perhatikan catatan di bawah sini yang diluluskan adalah RM500 juta. So maksudnya bukan setiap permohonan daripada Jabatan Kastam akan dibayar secara penuh, betul?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, Yang Berhormat. Ada yang penuh, ada yang kurang daripada apa yang kita minta.

**Tuan Wong Kah Woh:** Akan tetapi ini adalah salah satu contoh sahaja.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Permohonan, ya salah satu contoh.

**Tuan Wong Kah Woh:** So lanjutan daripada itu saya hendak tanya, sebelum pihak kastam membuat permohonan untuk pemindahan wang, membuat keputusan untuk berapa jumlah yang hendak dipohon itu, sama ada pihak kastam ada mengambil pertimbangan berkenaan dengan *cashflow* yang ada dan sebagainya dalam Akaun Hasil Yang Disatukan. Adakah tidak?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Tidak Yang Berhormat. Kami...

**Tuan Wong Kah Woh:** So, maksudnya apa yang perlu akan dipohon oleh pihak kastam tetapi tidak semestinya kesemua permohonan yang dikemukakan itu akan dibayar secara penuh, akan diluluskan secara penuh.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Thank you.*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Itulah keadaannya.

**Tuan Pengerusi:** Ada pernah membantah jika permohonan yang dipohon itu jauh daripada sasarannya?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Dia begini Tuan Pengerusi. Saya— ada beberapa sebab utamalah yang biasanya kita minta adalah amaun yang sudah *cleared for payment*. *That means* setelah melalui penilaian risiko dan juga telah ditapis dan diluluskan oleh pegawai kita. Kadangkala proses itu mengambil masa empat bulan *on the average*, okey kecuali amaun-amaun yang kecil kita ada kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk tidak menggunakan Arahan Perbendaharaan 101 dan 102. Betul? Di mana kita boleh bayar tanpa buat semakan. Itu adalah amaun-amaun yang sangat kecil.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya. Ada dalam laporan saya nanti. Biasanya tidak melebihi beberapa ribulah. Oleh sebab kalau hendak proses kesemua tuntutan, nanti ia akan melambatkan semua tuntutan nanti. Oleh sebab itu yang kecil ini dari segi peratusnya amat— dari segi amaunnya adalah amat kecil. Tuan Roslan dulu kita ada buat kajian berapa?

**Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Pengarah Kanan Kastam I, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** Tidak sampai dua *percent*.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.



**Encik Roslan bin Yusoff:** *And then* dia punya bilangan *task*, *almost half of the total refund* lah.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya. Lebih daripada 50 peratus ini jumlah tuntutan dia tidak sampai dua peratus daripada keseluruhan. Oleh sebab itu kita mohon supaya tidak melalui proses semakan dan verifikasi yang— ya. Jadi yang itu kita boleh bayar 14 hari pun boleh, dalam masa sebulanlah biasanya. Kebanyakan 14 harilah, tidak ada masalah. Akan tetapi yang tuntutan-tuntutan yang besar dan kebanyakan tuntutan lain perlu melalui proses ini yang mana akan mengambil tiga bulan. Dalam sidang yang lepas itu pada 12 September saya juga sudah maklumkan, model GST kita ini ada dua *filing*, satu bulanan dan satu lagi sukuan.

Biasanya kalau pembeli, beli daripada syarikat yang *file return* mengikut sukuan, yang dia belum lagi *file return*, dia hanya perlu kemukakan penyata pada bulan keempat, hujung bulan keempat tetapi yang *monthly filer* ini sudah pun berada dalam kedudukan *refund*, dia akan fail dulu. So, kita akan menunggu sehingga dia yang penjual tadi, *file return*. Kita kena jaga duit kerajaan, jadi itu yang kadang-kadang mengambil proses masa itu mengambil empat bulan, kadang-kadang lima bulan. Jadi jumlah tuntutan dalam masa empat bulan, lima bulan itu, *on the average* sebulan jumlah tuntutan adalah lebih kurang RM2 bilion, RM2 bilionlah. *But after sometime it becomes due*.

Jadi balik kepada persoalan tadi sama ada kita buat tuntutan atau tidak? Ya, ada prosesnya, *well establish and* saya pun sudah semak semua surat-surat ini, memang ada. Dia akan buat tuntutan kepada orang yang menjaga dana ini iaitu Ketua Akauntan di JKDM. Dalam mesyuarat beliau juga merupakan salah seorang ahli, Puan Hatimah. Sebelum itu adalah seorang lain. *Before* Puan Hatimah siapa?

**Puan Hatimah binti Hamid:** KA yang sebelum saya adalah Puan Rosinah.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Puan Rosinah. Jadi dalam mesyuarat bulanan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, kebanyakannya diluluskan tetapi kadangkala bila sampai hujung tahun kerana kita tutup akaun lebih awal, itu mungkin tidak dapat dipenuhi permintaan kita. Begitu juga dengan kadang-kadang Januari. Jadi ini yang menyebabkan amaun itu makin lama makin tinggi. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi jumlah yang telah diluluskan, ia adalah konsisten dengan angka 35 peratuslah.

#### ■1450

Cuma tahun 2017, sudah mula nampak dia punya peratusan itu naik agak mendadak. Ketika itulah Pengerusi mengarahkan satu pengauditan dibuat. Jadi dari segi rekod memang lengkap, Jabatan Kastam memang ada buat tuntutan dan itulah amaun yang kita minta.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya hendak tanya Dato' Sri sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia, adakah Dato' Sri menganggotai jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP untuk mengaudit sebelum pembayaran dibuat. Kalau ada, tentulah Dato' Sri boleh bangkitkan banyak perkara yang tertunggak, pembayaran-pembayaran, tuntutan semula ini yang tertunggak. Ini kerana sebelum dibuat tuntutan, kita sudah buat audit dulu pada pihak kastam dan dibawa kepada pihak Amanah.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, Yang Berhormat. Memang ketika itu pun mesyuarat selalu menekankan. *[Disampuk]* Ada, ada.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dato' Sri...

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, ya Ketua Pengarah Kastam adalah salah seorang anggota dalam Mesyuarat Tabung ya. Sebelum saya, Ketua Pengarah adalah Datuk Seri Khazali. Pengerusi mesyuarat selalu sebut amaun-amaun yang besar itu patutnya kita perlu audit terlebih dahulu. Kalau salah bayar, silap bayar, nanti agak sukar untuk dapatkan kembali. Itu yang menyebabkan kadang-kadang adalah kita punya angka-angka itu hampir RM4 bilion kah dalam proses pengauditan. RM4 bilion kah? 3.9? Berapa angka sebenar? *[Disampuk]* Ya, RM3 bilion lebih ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Adakah Dato' Sri berpuas hati dengan apa juga alasan yang telah dibuat di dalam mesyuarat tersebut?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Kadang-kadang mesyuarat ini diadakan bersama-sama dengan Mesyuarat Aliran Tunai, *cashflow*. So, kita pun ambil maklum kerajaan juga ada komitmenlah dari segi *managing cashflow* dan ketika itu seperti yang saya katalah dalam kebanyakan mesyuarat, tuntutan kita diluluskan tetapi *subject to* yang 35 percent itulah. Jadi mungkin saya tidak tahu, saya tak boleh jawab bagi pihak Pengerusi ataupun ahli-ahli mesyuarat lain. Barangkali apabila tuntutan yang kita minta itu mungkin melebihi 35 peratus, mungkin mesyuarat membuat keputusan untuk tidak meluluskan ataupun perlukan satu pengauditan. Cuma saya boleh cuba teka sahajalah kenapa mereka kadang-kadang tidak luluskan tetapi saya boleh sahkanlah.

Saya pun pernah hadir mesyuarat. Dato' Abdul Maher, Pengarah GST pun dia pernah hadir. Ada di antara mesyuarat itu apa yang dipohon itu tidak diluluskan sepenuhnya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato' Sri, cuma untuk rekod. Soalan saya tadi berkenaan dengan surat tuntutan kan?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ada satu *initial* dan nota dekat sini diluluskan berapa wang itu. *Initial* ini siapa?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ketua Akauntan.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ketua Akauntan.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Yang Berhormat mohon untuk izin. Tadi saya nampak ada *slide*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Boleh nampak tak?

**Puan Hatimah binti Hamid:** Tadi.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *Maybe* tunjukkan...

**Puan Hatimah binti Hamid:** Ada tadi, tunjuk tadi.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, okey.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Okey... untuk... ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tak apa mungkin boleh.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ini komputer kita kah apa?

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Ketawa]*

**Puan Hatimah binti Hamid:** Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat, ini...

**Tuan Wong Kah Woh:** *No*, cuma saya hendak tanya...

**Puan Hatimah binti Hamid:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tandatangan dekat sini, siapa? Itu sahaja.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Saya hendak tunjukkan yang tadi, hendak kaitkan para Surat Iktan Amanah 5.2 tadi dengan surat itu. Dengan surat itu. Okey, Yang Berhormat tengok yang surat itu boleh. Okey dalam surat itu, surat edaran itu sebab ini yang Dato' Sri *highlight* tadi adalah proses dalaman. Bila proses dalaman, permohonan itu dia akan *support* dengan dokumen tadilah, dokumen dengan kita akan mengambil kira *35 percent* tadi.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Yes*.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Tak keluar. *So 35 percent* tadi kita nampak GST kasar, *no*, GST import, GST *local*, dia akan menjadi total. Pindahan sehingga terkini, adakan? Pindahan sehingga terkini. Yang itu yang RM1 bilion ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya.

**Puan Hatimah binti Hamid:** Ini adalah di dalam keadaan yang positif tadi. Yang ini adalah dalam keadaan positif. Maksudnya yang Dato' Sri *explain* tadi, apabila kedudukan tabung tadi dalam keadaan positif— pindahan yang kita bincang tadi adalah pindahan peruntukan. Ia adalah waran peruntukanlah. *So* kita akan pindahkan RM1 bilion. Kalau contoh yang kedua tadi itu, apabila dia ada kurungan itu dalam keadaan negatif, maksudnya untuk yang parameter maksimum yang dibenarkan di dalam *35 percent* itu, contoh itu rasanya RM20 bilion kan. *So*

tarikh terkini yang telah kita pindah ialah 21. *That means* sudah defisitlah. So kurungan yang boleh diluluskan adalah 9. Parameter yang diberitahu itu akan memberikan isyarat kepada cawangan akaun untuk membuat baucar jurnal. So bila dia mohon yang itu, kita akan ikut yang tadilah. Itu maksud sayalah.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tak cuma soalan saya *simple*. Siapa punya tandatangan ini?

**Puan Hatimah binti Hamid:** Itu tandatangan Ketua Akauntan di JKDN.

**Tuan Wong Kah Woh:** Siapa nama masa itu?

**Puan Hatimah binti Hamid:** Saya Hatimah Hamid.

**Tuan Wong Kah Woh:** Puan Hatimah okey, okey itu sahaja. *Thank you*.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Perlu penjelasan lanjut kah Yang Berhormat? Terima kasih. Jadi itulah kalau kita lihat pada bila-bila masa ya, *when we take a cut-off date* macam saya kata tadi proses akan mengambil lebih daripada 14 hari. Sekurang-kurangnya empat bulan. Jadi dalam masa empat bulan itu, sudah RM8 bilion yang mana kita tak boleh bayar lagi. Sepatutnya RM8 bilion itu patutnya bagi sayalah ataupun *the float* itu tidak harus dianggap sebagai hasil lagi sebab perlu dibayar. Akan tetapi saya tidak tahulah sama ada proses itu diikuti atau tidak. Oleh sebab kita sebagai agensi pelaksana, tugas kita ialah memungut hasil dan membayar balik tuntutan sah berdasarkan kepada amaun yang ada dalam tabung. Tetapi kita tidak mengawal berapakah amaun yang masuk ke dalam tabung.

**Tuan Pengerusi:** Dari perspektif kastam yang memungut hasil, tentu bila *accumulated amount of RM8 billion*, you punya pendapat bahawa, *it shouldn't be touched. But this money* masuk dalam *consolidated fund*. Jadi perspektif KSP dia berbeza kerana dia mengurus dana kerajaan dengan projek-projek dan dasar-dasar kerajaan. *So I can understand your* perspektiflah.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** So dari perspektif macam tadi kita tanya dengan KSP, dia ada tanggungjawab untuk melaksanakan aliran kewangan kerajaan itu. So ada ketika dia kata *we don't have so much. So we* terpaksa menunggu bulan hadapan punya kewangan untuk *look into the* aspek tuntutan yang dibuat oleh kastam. *So I can understand perspective custom* yang you pungut duit dan *you expect* ada sebahagian 35 peratus itu harus dipulangkan kepada yang berhak.

#### ■1500

Jadi kita ada *cover* itu. KSP ada jelaskan tentang perspektif dia sebagai *custodian of the money in the consolidated fund*.



**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Yang Berhormat, saya juga ada kemukakan *world survey report* oleh KPMG Global ini. Ada para di situ yang mengatakan mengenai isu *refund* di negara-negara lain. Jadi boleh juga digunakan sebelum kita buat sesuatu kesimpulan.

**Tuan Pengerusi:** *So bila we can expect report?*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** Ada, ada. Sudah hantar ya. *It's here already. Oh, it's here.* Okey. Ada apa-apa soalan? *Are we done?* Okey, setakat itu mesyuarat kita pada hari ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih...

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Cuma Tuan Pengerusi, *can I just explain the rational* kenapa saya keluarkan kenyataan siaran media. Ketika itu kami dapat maklum bila isu ini telah menjadi panas, kastam juga akan melaksanakan SST ketika itulah. Kita perlu beri satu kepastian kepada rakyat dan juga pihak peniaga khususnya. *There were a lot of confusion* di mana ada kadang-kadang pengarah-pengarah kastam yang telah bersara telefon saya, *"Eh, what have you all done with the money?"* Seolah-olah duit itu lesap daripada tabung dan seolah-olah ada *misappropriation* di pihak kastam. Persepsi rakyatlah.

Oleh sebab itu kita perlu keluarkan kenyataan itu untuk memastikan tidak ada apa-apa kewujudan salah laku di Jabatan Kastam sebab kita sebagai pemungut hasil. Kalau rakyat dan peniaga *if they don't have any confidence* kepada agensi pelaksana esok, *then* sukarlah. Oleh sebab itu saya keluarkan itu. Memang pada hakikatnya memang ada. Saya telah buat pengesahan dengan kesemua Pengarah GST, *everything is in order*, ada rekod-rekodnya. Cuma Ketua Akauntan kata beliau terikat dengan yang 35 peratus. Kalau lebih, itu yang kadang-kadang kita mohon dalam mesyuarat, kadang-kadang diluluskan, kadang-kadang tidak. Itu sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Yes Dato' Sri, you have done a very good job.*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *Thank you* Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *But I can imagine for you to manage the fund.* Akan tetapi hanya satu sahaja saya hendak sebut di sini— kita sudah tutup atau belum Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Boleh, boleh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dato' Sri, ada sebut tadi apabila sampai tahun 2017, tiba-tiba tuntutan meningkat.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kalau kita kalau kata *consolidated fund, they only taking the nett. 35 percent will be put aside. But suddenly 35 percent has gone up. What is the reason?* Adakah syarikat-syarikat sudah mula belajar?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Berbagai-bagai sebab Yang Berhormat. Dalam tahun 2016 pun kita sudah mula rasa sudah. Sudah mula naik. Antara sebabnya ialah dasar kerajaan untuk memberi pelepasan kepada projek-projek besar, ECRL, MRT, apa lagi?

**Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** Prasarana, Rapid.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Prasarana, Rapid. Rapid tidak.

**Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil:** Rapid tidak ada output.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Tidak ada output. Itu satu. Kedua, mungkin macam Yang Berhormat kata tadi sudah ada kes-kes di mana ada syarikat-syarikat yang membuat tuntutan palsu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ada, ada. Ada satu kes ayam itu RM26 juta. Akan tetapi perniagaan tidak ada, seekor ayam pun tidak ada, ladang ayam pun tidak ada. Akan tetapi sudah bayarlah RM26 juta itu.

**Tuan Pengerusi:** Kes telefon?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Telefon. Kes telefon ya. Jadi sekarang kita dalam proses pengauditan dan juga kita sudah *outsource* kepada 12 syarikat firma-firma audit di luar di samping kita sendiri sebab GST sudah mansuhkan. Jadi kita hendak— kalau boleh kita hendak *end the chapter* dalam masa dua tahun. Kalau kastam sahaja yang buat audit mungkin mengambil masa lebih lama sebab Akta Pemansuhan itu memberi sehingga enam tahun untuk bayar balik *refund*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Enam tahun?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Sampai enam tahun Akta Pemansuhan GST. Seksyen 6 ke? Seksyen 7? Jadi kita tidak mahulah tunggu sebab *I think* peniaga yang jujur ini *deserve to get their money fast*. Jadi sebab itulah kita buat pengauditan dan *outsource some of it*. Kita juga ini. Mungkin ada kemungkinan sebahagiannya kita dapat balik dan yang mana mereka layak menuntut, *I think* kerajaan harus bayar balik. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *Probably the last one. How do you take it* bila diajukan *statement* bahawa *so much money* dirompak, dicuri secara— *as the* Ketua Pengarah Kastam.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Yang Berhormat, *I* tidak tahulah bila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan beliau barangkali melihat dari sudut yang berbeza ya. Kalau lihat seksyen 54 sekali pun, kalau sekali baca memang apa yang dipungut harus masuk dalam tabung itu dulu ya. Akan tetapi ada juga seksyen yang membenarkan Menteri Kewangan boleh buat sebaliknya.



Jadi barangkali bila amaun yang besar itu tidak ada dalam tabung, Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin bagi dia, perkataan dia— *I cannot speak on behalf of him but* bagi beliau bila duit itu tidak ada dekat tempat yang patut ada mungkin beliau menggunakan perkataan itulah. So, saya tidak mahu *comment* berkenaan dengan perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Soalan. Dato' Sri, *there is a perception out there that somehow you are the one who told him that RM19.4 billion is missing. Is that true? Did you advise him the situation?*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *No, no. We never used the word 'missing'. We said according to our internal procedure, bila kita minta 82.9 tetapi jumlah sebenar itu tidak di— so yang kekurangannya itu ialah RM19.4 bilion.*

**Tuan Wong Chen:** *So, this is on record that you didn't tell the Minister of Finance that RM19.4 billion is missing?*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *I did not use the word 'missing'. I said short fall, tunggakan, tunggakan.*

**Puan Hatimah binti Hamid:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Apa dia?

**Puan Hatimah binti Hamid:** Dato' Sri masuk dalam ini. Ini berdasarkan nilai kredit. Nilai kredit *is add-*kan. Jadi macam itulah. *As GST-03.*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, betullah, betul. *This is the choice of words. I mean depending on how you look at it. I don't want to dwell into it. But the bigger question is I also understand that Treasury— I am not saying Treasury is wrong because Federal Constitution basically says whatever hasil dipungut masuk Kumpulan Wang Disatukan. Then by process of allocation bajet ini kita keluarkan daripada itu masuk ke dalam tabung ya. Jadi saya tidak mahu sentuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Cuma kita maklumkan kepada Menteri Kewangan yang tabung ini kekurangan dana sebanyak RM19.4 bilion untuk bayaran balik. Itu sahaja.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** *Sorry Dato' Sri. Soalan. Pencerahan sahaja, bukan soalan. Tadi ada sebut satu sebab tunggakan sebanyak RM19.4 bilion punya adalah kerana sebab ada perkhidmatan seperti ECRL dilepaskan.*

■1510

Saya hendak fahamkan. Itu maksudnya dia punya perkhidmatan ditetapkan sebagai kadar sifar *exempted item*— betul?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Okey. Dia bila diberi pelepasan, *effect* dia lebih kurang sama berkadar sifar.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Lebih kurang. Ini bermaksudnya, dia punya *input tax* dihalangkan untuk buat penuntutan. Betul atau tidak?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *No. No.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** *No?*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** *It's not like that. Maybe*— dia begini. Pelepasan diberi. Jadi, kontraktor-kontraktor yang membekalkan barang dan juga perkhidmatan tidak akan mengenakan GST.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** GST.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Akan tetapi, kontraktor itu boleh tuntutan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ini masih boleh tuntutan?

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Kontraktor boleh. Yang tidak boleh tuntutan ini ECRL. Sebab dia tidak ada liabiliti cukai yang dikenakan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ya.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Akan tetapi, kontraktor-kontraktor yang membekalkan barang dan juga perkhidmatan merekalah yang akan berada pada kedudukan *refund* yang banyak. *Because very big project, massive project.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey. Ini maksudnya kontraktor yang bekal kepada ECRL tidak boleh kenakan GST kepada ECRL.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** ECRL. Ya. Yes. Yes.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey. Okey. Saya berfikir ECRL tuntutan itu GST. Tidak ya. Okey. Okey. Faham.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Dato' Sri, soalan. Iaitu semua projek-projek mega itu dilepaskan kena GST iaitu adakah projek-projek mega ini. Ini kerana dilepaskanlah. Justeru, meningkatkan kadar pembayaran balik GST itu dan walaupun ada peningkatan kadar ini, tetapi kerajaan tidak buat *adjustment* untuk unjuran 35 peratus untuk pembayaran balik.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Ya, Yang Berhormat. Pada anggapan kita lebih kurang begitulah. Sebab projek-projek besar ini telah menyebabkan tunggakan bayaran balik ini makin meningkat dan antara sebab pentinglah. Antara sebab penting.

**Puan Wong Shu Qi:** Itu boleh saya tambah lagi? Kerajaan dahulu apabila mereka menetapkan dasar untuk melepaskan GST atas projek besar itu, tetapi tidak membuat pindaan ke atas kadar pembayaran balik GST yang menyebabkan masalah yang kita hadapi sekarang.

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Dia menyumbang. Antara sebab yang menyumbang. Itulah kami juga telah bangkitkan perkara ini beberapa kali dalam mesyuarat dalaman bersama dengan Kementerian Kewangan. *This one maybe Dato' Maher. Can you explain? [Merujuk kepada slaid]*

**Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil:** Terima kasih Dato Sri. Ini kedudukan tuntutan pulang balik yang belum masih dibayar sehingga 22 Oktober 2018. Sekarang telah pun meningkat kepada 23.56. Kita ambil yang nombor empat sebagai contohnya. Syarikat-syarikat— dua syarikat di sana iaitu MRT dan Prasarana. Syarikat-syarikat ini mendapat pelepasan daripada MOF. Syarikat-syarikat macam kita ambil MRT sepatutnya syarikat ini dia buat landasan MRT itu dan dia *outsourc*e kepada satu operator yang lain. Jadi, *outsourc*e ini tidak ada output. Output yang terlalu minimum. Akan tetapi dengan pelepasan, dia boleh menuntut semua input dia. Input dia hampir 1 bilion untuk dua syarikat ini. Itu sebab antara penyumbang kepada kenaikan *ratio* inilah ataupun penyumbang kepada jumlah tuntutan yang besar. Itu antara contoh-contoh yang kita ada. Ini syarikat-syarikat besar.

**Tuan Pengerusi:** Ini *confirm* sudah habis dah. *[Ketawa]* So, sekali lagi terima kasih banyak-banyak Dato' Sri kerana sentiasa memberi kerjasama pada PAC.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Thank you.*

**Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat lain. Saya terima kasih atas peluang yang diberikan pada Jabatan Kastam. *I can assure you there is no malicious intent* di pihak Jabatan Kastam. Kami sentiasa akur dengan apa sahaja arahan kerajaan. Cuma, isunya ialah kami selalu mendapat rintihan daripada pihak peniaga. Kami juga ada rekod-rekodlah dari dahulu lagi yang juga pernah dibangkitkan, ditulis kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum ini, di bawah kerajaan lama, Yang Berhormat Kewangan II dan juga kepada Kementerian Kewangan. Kenapa bayaran lambat.

Jadi, isu ini memang diambil maklum oleh semualah dan di pihak kami pun ada masalah. Akan tetapi tangan kami agak terikatlah. Itu sahaja. Terima kasih sekali lagi.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.16 petang]***